

## **BAB 4**

# **ASPEK-ASPEK KEPERCAYAAN DALAM PERADABAN ISLAM**

#### 4.1 Pengenalan

Peradaban Islam adalah bertunjangkan kepada agama Islam yang suci yang merupakan pegangan kepada umat Islam seluruhnya. Kepercayaan umat Islam kepada agama mereka telah membolehkan Islam bangkit membina sebuah tamadun dan peradaban yang tinggi. Asas kepercayaan mereka kepada rukun iman yang enam yang merupakan tunjang pegangan akidah mereka yang bertauhidkan Allah telah mengubah satu masyarakat yang dianggap mempunyai peradaban yang rendah tetapi kemudiannya dapat menguasai dunia dalam masa yang singkat setelah mereka menerima ajaran Islam sebagai kepercayaan mereka.

Istilah peradaban didefinisikan oleh *Kamus Dewan* sebagai “keadaan serta tingkat kemajuan pada kehidupan jasmani dengan rohani sesuatu bangsa atau masyarakat”.<sup>1</sup> Jadi, istilah peradaban Islam bermaksud keadaan yang dialami oleh peradaban Islam dari segi tingkat kemajuannya iaitu dari segi jasmani dan rohani umatnya.

Perkembangan Islam bukan mengambil jalan mudah tetapi Islam mendapat tentangan yang hebat daripada masyarakat Quraisy yang merupakan sebuah masyarakat yang dengan jelas menentang dan menolak agama Islam kerana bertentangan dengan konsep penyembahan berhala yang diamalkan oleh mereka.

Namun begitu, Islam di bawah Nabi Muhammad s.a.w. telah berjaya memecahkan kedengkilan masyarakat Jahiliah yang mana secara keseluruhan masyarakat Arab telah menerima Islam dalam masa 23 tahun beliau berdakwah. Seterusnya, Islam telah

berkembang dan mengalami perkembangan yang pesat sehingga ia menguasai sebahagian daripada keluasan dunia sekarang ini.

#### 4.2 Pembentukan Peradaban Islam Di Tanah Arab

Masyarakat *Jahiliyah* merupakan masyarakat yang mendiami tanah Arab sebelum kedatangan Islam. Mereka dikenali sebagai masyarakat *Jahiliyah* bukan disebabkan oleh tidak berpengetahuan atau berperadaban tetapi kerana mereka bertuhankan hawa nafsu dan menolak hukum atau peraturan Allah. Banyak pendapat yang dikeluarkan mengenai masyarakat *Jahiliyah* tersebut misalnya Syed Qutb dalam bukunya *Ma'alim fi' t-Tauriq*, menerangkan masyarakat *Jahiliyah* adalah sebuah masyarakat yang tidak menerima Islam dalam bentuk akidah, ibadah dan syariah.

Mengikut Philip K. Hitti pula dalam bukunya *History Of The Arabs* pula menambah bahawa kehidupan masyarakat *Jahiliyah* ialah dalam kebodohan, kebinantangan, tidak mempunyai peraturan dan undang-undang atau Nabi yang diwahyukan atau kitab yang diturunkan.<sup>2</sup>

Secara jelasnya, masyarakat *Jahiliyah* merupakan sebuah masyarakat yang cetek dari segi kepercayaan dan syariat. Namun begitu, dari segi kesusasteraan, senibina dan berekonomi mereka mempunyai kemajuan yang baik. Disebabkan oleh kepercayaan mereka kepada batu-batu berhala dengan tujuan untuk mendekatkan diri kepada Allah, maka penuhlah kota Mekah dengan berhala-berhala sehingga datang Nabi Muhammad s.a.w. bersama Islam untuk memusnahkan berhala-berhala tersebut. Antara nama-nama

berhalal yang sering menjadi sebutan di kalangan masyarakat Arab Jahiliah ialah *al-Uzza*, *al-Latta* dan *al-Manat*.<sup>3</sup>

Nabi Muhammad s.a.w. merupakan orang yang bertanggung jawab menyebarkan syiar Islam di muka bumi ini. Sebelum beliau, sudah ramai para Rasul dan para Nabi yang menjadi utusan Allah dengan membawa akidah atau kepercayaan yang bertauhidkan Allah s.w.t. Namun begitu, disebabkan sikap degil masyarakat jahiliah pada ketika itu menyebabkan ajaran tersebut tidak diterima. Oleh yang demikian, Nabi Muhammada s.a.w. telah diutuskan sebagai kesinambungan daripada para Nabi dan para Rasul yang diutuskan sebelumnya.

Nabi Muhammad telah dilahirkan pada hari Isnin 12 Rabiul awal bersamaan 20 April. Sejak kecil beliau sudah mempunyai sifat-sifat yang luar biasa. Sifat beliau yang paling nyata ialah ia sangat hormat kepada sesiapapun, budi bahasanya amat halus dan apabila melakukan pekerjaan sentiasa berhati-hati. Disebabkan oleh kejujuran dan keluhuran budinya beliau digelar “*Al-Amin*” yang membawa erti “*terpercaya*”. Keadaan ini amat berlainan dengan pemuda-pemuda sebaya beliau yang suka menghabiskan masa dengan perkara-perkara yang tidak berfaedah seperti berfoya-foya, mabuk, judi dan perbuatan maksiat lainnya.<sup>4</sup>

Pada masa muda beliau bekerja sebagai pengembala kambing dan membantu pekerjaan bapa saudaranya, Abu Thalib yang sering berdagang ke Syria. Beliau pernah pergi ke Syria sebanyak dua kali iaitu pertama kali semasa usianya 12 tahun dan ke duanya ketika usia beliau 25 tahun dengan membawa barang dagangan Khadijah, seorang janda kaya raya yang akhirnya menjadi isterinya. Perkahwinan beliau dengan Khadijah

memberikan kemudahan bagi beliau untuk memperhatikan keadaan masyarakat dan membantu mereka yang susah.<sup>5</sup>

Beliau dilantik menjadi Nabi pada usia beliau 40 tahun ketika beribadat di Gua Hirak iaitu semasa beliau beribadat kepada Tuhan supaya memberikan petunjuk kepada manusia ke jalan yang benar. Permulaan turunnya wahyu pertama ialah pada 17 Ramadhan yang dipanggil hari “*Nuzul Quran*” yang bererti hari permulaannya turunnya al-Quran. Beberapa hari selepas itu turun pula wahyu ke dua yang mengandungi suruhan supaya Nabi Muhammad melakukan tugas suci supaya membimbing manusia ke jalan kebenaran selaku Nabi dan Rasul yang terakhir.<sup>6</sup>

Jika ditinjau kepada rentetan dan peristiwa yang berlaku didapati Islam mengalami satu pengalaman yang sukar untuk masuk ke dalam masyarakat Arab. Ini kerana penduduk di Kota Mekah masih tebal dengan pegangan dan kepercayaan mereka kepada agama menyembah berhala. Pada permulaanya Nabi berdakwah secara rahsia dan melibatkan anggota keluarga sahaja, kemudian kepada para sahabat karib. Keadaan ini berterusan selama tiga tahun. Kemudian beliau berdakwah secara terang-terangan dan semenjak itulah beliau mendapat tentangan yang hebat daripada orang-orang Quraisy.<sup>7</sup>

Selama tiga belas tahun lamanya nabi mengalami pelbagai bentuk penderitaan seperti terdapat pengikutnya yang diseksa supaya meninggalkan agama tauhid, Nabi dan pengikutnya pernah dipulau agar mati kelaparan dan ini telah mendorong beliau melakukan penghijrahan ke Madinah.<sup>8</sup>

Semasa di Madinah, Islam mengalami perkembangan yang pesat dan dengan pengistiharan Perlembagaan Madinah pada abad ke-7 M sebuah negara Islam pertama telah dibentuk. Di sini tugas Nabi tidak hanya berdakwah malahan sebagai ketua negara, panglima perang dan juga ketua hakim tertinggi dalam pemerintahan Islam.

Beberapa percubaan telah dilakukan oleh golongan Quraisy untuk menghancurkan Islam melalui beberapa siri peperangan yang besar seperti peperangan Badar, Uhud dan Ahzab. Namun begitu, siri-siri peperangan ini gagal untuk menghancurkan Islam malahan Islam menjadi semakin kuat pengaruhnya. Kedudukan Quraisy yang semakin lemah telah membolehkan Nabi menggunakan peluang ini untuk masuk ke Mekah melalui perjanjian Hudaibiyah<sup>9</sup> yang diadakan pada 628 M. Melalui perjanjian ini, gencatan senjata atau pendamaian diputuskan selama 10 tahun dan memberikan peluang kepada Nabi untuk masuk ke Kota Mekah dan melakukan ibadat haji. Peluang ini digunakan oleh Nabi untuk menyebarkan Islam di sekitar Jazirah Arab dan mempelawa penguasa-penguasa di Rom, Persia, Mesir dan beberapa penguasa lain untuk menerima dan memeluk Islam.

Pada tahun ke-10 H, orang Quraisy melanggar perjanjian damai yang dimenterai antara mereka. Namun begitu, kedudukan mereka yang lemah dan perpecahan yang berlaku membolehkan nabi dengan mudah menakluk kota Mekah tanpa berlakunya pertumpahan darah. Semenjak itu, penduduk Mekah dengan sukarela memeluk Islam. Dengan jatuhnya Mekah ke tangan Islam membolehkan Islam tersebar luas di seluruh Tanah Arab. Tidak lama selepas itu, nabi wafat iaitu pada 632 M ketika usianya 63 tahun setelah menjalankan dakwah selama 23 tahun lamanya. Selepas itu, segala tugas Nabi dibebankan kepada sahabat-sahabat Nabi dengan tertubuhnya sistem "Khalifah".

Kedudukan Islam yang semakin teguh bersama tamadunnya yang semakin tinggi telah membentuk peradaban yang dinamakan peradaban Islam. Seterusnya, peradaban Islam didokongi oleh sahabat-sahabat nabi yang menubuhkan sistem Khalifah yang dipanggil Khalifah al-Rashidin. Terdapat empat orang Khalifah yang mendokongi zaman Khalifah al-Rashidin iaitu Khalifah Abu Bakar as-Siddiq (632-634 M), Khalifah Umar al-Khattab (634-644 M), Khalifah Uthman bin Affan (644-656 M) dan Khalifah yang terakhir ialah Khalifah Ali bin Abu Talib (656-661 M). Setelah berakhirnya sistem Khalifah ia diambil alih oleh Khalifah Bani Umaiyyah (661-750 M) dan Bani Abbasiyah (750-1258 M). Dalam masa pemerintahan sistem Khalifah tersebut peradaban Islam mengalami zaman keagungan dan merupakan pusat penyebaran ilmu pengetahuan.

Sesungguhnya, Islam mempunyai tamadun yang luas terbentang daripada timur ke barat dan menguasai dua pertiga dunia. Sumber kepada kejayaan pembinaan peradaban Islam ialah melalui pegangan kepada kepercayaan ataupun dalam Islam ia disebut akidah. Dasar kepada akidah orang-orang Islam ialah kepercayaan kepada Allah Yang Satu.

#### **4.3 Aspek-aspek Kepercayaan Dalam Islam**

Munculnya Islam menandakan bermulanya peradaban baru, sedangkan zaman sebelum Islam dianggap sebagai zaman kuno atau purba khasnya di tanah Arab sendiri seperti kemunculan zaman yang dipanggil zaman *Jahiliyah*. Malahan, kedatangan Islam merupakan titik permulaan zaman moden di rantau ini. Mengapakah kedatangan Islam dianggap sebagai zaman moden? Segala-galanya bermula daripada tamadun yang dibawa oleh Islam yang berasaskan kepada rasionalisme dan kebebasan cara berfikir. Ini kerana, masyarakat sebelum ini adalah dibelenggu dari segi pemikiran mereka menyebabkan

pemikiran mereka adalah terbatas termasuklah kepercayaan mereka menyebabkan mereka mempunyai peradaban yang lemah dan menjijikkan.

Peradaban Islam melangkaui alam yang luas sehingga menerokai ke alam Melayu yang unik dan masih mengamalkan kepercayaan yang berasaskan kepercayaan nenek moyang. Ini jelas, di mana peradaban Islam adalah berasaskan kepada rasional dan tertib berfikir yang terdapat dalam Islam sedangkan masyarakat Melayu pada masa itu masih diikat dengan perkara-perkara khurafat dan tasyul. Kedatangan Islam seolah-olah membawa satu sinar dengan membawa ilmu pengetahuan dikenali sebagai “zaman ilmiah”.

Melalui kata-kata Prof. Dr. Syed Muhammad Naguib al-Attas di dalam bukunya “Islam Dalam Sejarah Dan Kebudayaan Melayu” menjelaskan bahawa Islam mempunyai pengaruh yang amat besar, mendalam dan meluas di alam Melayu sehingga berjaya mencabut akar umbi pengaruh Hindu dan Buddha. Kedatangan Islam menandakan bermulanya satu zaman baru dan berakhirnya satu zaman lama di rantau ini. Ini bermaksud bahawa perubahan yang dibawa oleh Islam terhadap ketamadunan alam Melayu bukan sahaja dari segi rupa malahan meresap masuk ke dalam jiwa.<sup>10</sup>

Perkara pokok yang dibawa oleh Peradaban Islam ialah agama Islam yang terdapat di dalamnya kepercayaan yang juga dipanggil akidah dan untuk mencapai akidah atau pegangan tersebut semestinya mempunyai keimanan. Keimanan itu merupakan akidah dan pokok, yang berdiri di atasnya syariat Islam. Kemudian dari pokok itu keluarlah cabang-cabang. Perbuatan itu merupakan syariat dan cabang-cabang yang dianggap sebagai buah yang keluar dari keimanan serta akidah tersebut. Keimanan dan perbuatan atau dengan kata

lain akidah dan syariat yang mana ke dua-duanya mempunyai pertalian dan perkaitan dan tidak boleh dipisahkan.<sup>11</sup>

Kepercayaan atau iman itulah yang telah menjadikan kehidupan itu lebih bermakna. Manusia tidak dipaksa untuk percaya tetapi kalau akal fikirannya itu rasional, maka akal tersebut akan melahirkan kepercayaan mengenai sesuatu. Oleh itu, wujud kepercayaan dalam bentuk lain jika seseorang itu tidak percaya kepada ajaran Islam. Dengan demikian, dapatlah ditegaskan bahawa kepercayaan adalah sebahagian daripada kehidupan.<sup>12</sup> Oleh itu, tidak hairanlah peradaban Islam meletakkan kepercayaan atau keimanan perkara wajib sebagai seorang Islam yang berpegang kepada agama Islam.

Daripada kepercayaan itulah peradaban Islam dibentuk yang melahirkan keperibadian dan membentuk akhlak, sampai kepada membentuk masyarakat, negara, ekonomi, sosial dan kebudayaan. Memang tidak dapat dinafikan peranan yang dimainkan oleh peradaban Islam dalam meningkatkan kemajuan kemanusiaan. Walau bagaimanapun, pada masa ini peradaban Islam seolah-olah kelihatan terpinggir ditelan oleh arus zaman, namun keadaan ini berlaku adalah tidak lain disebabkan oleh pegangan umat Islam kepada kepercayaan mereka yang semakin luntur.<sup>13</sup>

Nabi Muhammad s.a.w. sebagai pembawa agama Islam yang bertauhidkan Allah menjadi teras kepada Peradaban Islam memberikan rumusan yang singkat dari keseluruhan kepercayaan kepada 6 perkara:-

- i- Kepercayaan kepada kekuasaan Tuhan.
- ii- Kepercayaan kepada adanya alam ghairi.
- iii- Kepercayaan kepada adanya kitab-kitab Allah.

- iv- Kepercayaan kepada Nabi dan rasul.
- v- Kepercayaan kepada hari kiamat.
- vi- Kepercayaan kepada takdir illahi Yang Maha Besar.

Dengan demikian, melalui 6 perkara inilah yang menjadi paksi keimanan yang membentuk kepercayaan umat Islam kepada agama mereka. Kepercayaan mereka kepada 6 perkara ini mendorong untuk melakukan sesuatu yang baik dan berjihad di jalan Allah s.w.t. membolehkan peradaban Islam bangkit sebagai sebuah peradaban yang unggul. Kepercayaan tersebut terkandung di dalam rukun Iman yang enam, ia merupakan asas yang dibina ke atas manusia yang beragama Islam. Ia melibatkan kepercayaan orang-orang Islam terhadap alam dan apa yang terkandung tidak keluar daripada rukun-rukunnya.<sup>14</sup> Perbincangan seterusnya akan membincangkan aspek-aspek keimanan yang menjadi teras kepada kepercayaan Islam secara terperinci.

#### 4.3.1. Kepercayaan Kepada Allah s.w.t

Kepercayaan kepada Allah s.w.t. adalah kepercayaan yang paling pokok yang mendasari keseluruhan ajaran Islam dan ia harus diyakini dengan pasti dan diucapkan melalui kalimah syahadah yang bermaksud: "*aku bersaksi bahawa hanya Allah yang layak disembah*". Kepercayaan kepada Allah banyak disentuh di dalam al-Quran yang menerangkan kepada kita bagaimana cara dan bentuk kepercayaan kita kepada Allah s.w.t. Kepercayaan kita kepada Allah s.w.t. itu bererti kita mempercayai bahawa Allah itu ada dan ia adalah esa atau tunggal dan tidak ada yang serupa dengannya. Dalil al-Quran yang menerangkan kekuasaan Allah s.w.t. dapat dipastikan melalui firmannya yang bermaksud:-

*"katakanlah (wahai Muhammad) : (Tuhanmu) ialah Allah Yang Maha Esa. Allah menjadi tumpuan sekalian makhluk untuk memohon sebarang hajat. Ia tiada beranak dan ia pula tidak diperanakkan. Dan tidak ada sesiapapun yang setara dengannya".*

Al-Ikhlas: 1-4

Selain itu, terdapat beberapa ayat al-Quran yang lain yang turut membincangkan mengenai keesaan tuhan dan kepercayaan kepada Allah adalah sesuatu yang benar seperti yang terdapat dalam surah al-Fatiyah (1-3), al-Imran (27),, al-Baqarah (22) dan sebagainya.

Keadaan ini samalah dengan faham Monotheisme iaitu mempercayai kepada faham yang satu. Mengikut Peter Wilhelm Schmidt, seorang paderi Kristian dan ahli dalam antropologi mengambil kesimpulan bahawa agama yang asli pada orang primitif ialah agama yang mengakui satu faham (monotheism). Tetapi kepercayaan ini telah dipecah-pecahan menjadi kekuatan alam yang dipuja dalam perkembangan kepercayaan yang berikutnya.<sup>15</sup> Bermula dari sinilah, wujud pelbagai kepercayaan yang melahirkan pelbagai agama yang mempercayai kepada semangat-semangat, dewa-dewa, roh, benda-benda dan sebagainya seperti wujud agama Buddha, Shinto dan lain-lain lagi.

Dengan yang demikian, umat Islam wajib percaya bahawa tidak ada Tuhan yang wajib disembah melainkan Allah, Tuhan Yang Maha Esa dan tidak ada sekutu baginya. Hanya kepadanya setiap orang-orang Islam harus menyembah, berdoa dan memohon keampunan. Tidak mempercayai kepada benda lain dan tidak ada perantaraan sesiapapun. Inilah yang dipanggil tauhid iaitu kepercayaan yang mutlak kepada Tuhan Yang Maha Esa, baik sebagai pencipta alam semesta maupun dalam menerima pengabdian dan kebaktian dari makhluk-Nya.<sup>16</sup>

Kewujudan Allah s.w.t. dapat dibuktikan dan dipastikan sama ada melalui pemikiran yang rasional atau berpandukan dalil-dalil dari al-Quran. Jika dilihat melalui dalil-dalil al-Quran, maka banyak sekali ia membincangkan tentang kebenaran kewujudan Allah s.w.t. misalnya, melalui surah al-Mukminum ada memperkatakan tentang proses kejadian manusia dari segi biologi yang selaras dengan fikiran saintifik dengan maksudnya:-<sup>17</sup>

*"Dan sesungguhnya kami telah menjadikan manusia dari pati (yang berasal dari tanah), kemudian kami jadikan (pati) itu setitik air benih pada tempat penetapan yang teguh kukuh; kemudian kami ciptakan air benih itu menjadi sebuku darah beku ; lalu kami ciptakan darah beku itu menjadi seketul daging ; kemudian kami balut tulang-tulang dengan daging. Setelah sempurna kejadian itu, kami mulakan dia menjadi makhluk yang lain sifat keadaanya, maka nyatalah kelebihan dan ketinggian Allah yang Dialah sebaik-baik pencipta".*

Al-Mukminum: 12-14

Dengan itu, jelaslah bahawa apa yang diterangkan di dalam al-Quran adalah tidak bertentangan dengan pengkajian saintifik dan adalah mustahil bagi Nabi Muhammad yang tidak tahu menulis dan membaca boleh membuat pengkajian sedalam ini. Oleh itu, jelaslah bahawa Allah itu benar-benar wujud dan al-Quran adalah wahyu Allah kepada beliau sebagai utusan Allah.

Jika kita berfikir secara rasional juga adalah logik kita akan mengatakan bahawa terdapatnya penjaga kepada alam ini. Apabila kita melihat bumi, cakerawala, bulan dan bintang, kita akan mendapati bahawa ia tersusun seolah-olah memang disusun sedemikian rupa. Mengikut sarjana astronomi bernama *Captain* mengatakan bahawa jumlah bintang-bintang dan planet di langit adalah kira-kira 40 000 juta, tetapi kata *Shelly* pula ia berjumlah

100 000 juta.<sup>18</sup> Jika sedemikian banyaknya, pergerakan planet-planet dan bintang-bintang tersebut tidak berselisih dan berlanggar antara satu sama lain seolah-olah ada kuasa lain yang menjaga dan menentukan perjalanan tersebut dan ini menggambarkan bahawa terdapat satu kuasa yang menentukan perjalanan alam ini dan kuasa tersebut tidak lain ialah Allh s.w.t.

Begini juga dengan kejadian siang dan malam kesan daripada pusingan bumi. Matahari pula adalah penting sebagai sumber tenaga kepada hidupan di muka bumi ini. Hidupan di dunia tidak akan dapat hidup tanpa bekalan tenaga daripada matahari mengikut kekuasaan Allah. Seterusnya, kejadian bulan pula supaya membolehkan manusia mengira hari , bulan dan tahun.

Sememangnya, kejadian alam ini ada hikamnya jika difikirkan secara rasional dan logik. Jika ditinjau melalui al-Quran kita akan dapati Allah itu memang wujud dan dia lah yang menentukan perubahan alam ini dan setiap kejadian sesuatu di alam ini mempunyai hikmahnya yang tersendiri.<sup>19</sup>

Adalah penting bagi manusia untuk mengetahui akan adanya Allah dan beriman kepadanya. Ini kerana dengan mengetahui adanya Tuhan, maka manusia akan menjaga tingkah laku mereka supaya tidak membawa kepada melanggar peraturan-peraturan yang telah ditetapkan Allah. Ini kerana, mengikut kepercayaan orang-orang yang berpegang kepada Islam perlanggaran hukum-hukum Allah akan menyebabkan mereka haram daripada mendapat balasan baik dari Allah yang dipanggil balasan *Syurga*.

#### 4.3.2 Kepercayaan Kepada Alam Ghaib

Kepercayaan kepada alam ghaib adalah penting bagi seseorang yang bergelar Islam. Ini kerana sesetengah perkara yang ada di sebalik alam ini tidak dapat difikirkan dengan akal. Keadaan ini ada dijelaskan di dalam al-Quran melalui surah al-Baqarah yang bermaksud:-

*"Alif-Lam-Mim; Demikianlah itulah kitab yang tidak ada sedikit juga pun keraguan di dalamnya, menjadi petunjuk bagi orang-orang yang bertakwa. Iaitu orang yang percaya kepada yang ghaib dan mendirikan sembahyang dan daripada apa yang kami rezekikan kepada mereka, mereka nafkahkan".*

Al-Baqarah: 1-3

Oleh yang demikian, kepercayaan kepada alam ghaib di samping alam nyata merupakan satu pokok kepercayaan agama. Kalau tidak ada kepercayaan kepada yang ghaib ia merupakan bukan satu agama.<sup>20</sup>

Kepercayaan mengenai alam ghaib ada menceritakan tentang insan, malaikat dan kejadian iblis. Diceritakan juga mengenai adanya syurga dan neraka. Ia merupakan satu tempat yang tidak digambarkan melalui fikiran manusia yang rasional. Di alam ini terdapat tiga bentuk kejadian iaitu terdapatnya manusia sebagai khalifah di muka bumi disamping malaikat dan iblis yang mana ke dua-dua ini tidak dapat dilihat dengan mata kasar manusia. Ia merupakan perkara ghaib dan tidak dapat dikesan walaupun dengan teknologi yang paling canggih.

Seterusnya perbincangan akan lebih memperincikan tentang malaikat kerana ia merupakan elemen yang penting dalam alam ghaib. Di dalam riwayat Rasullullah s.a.w. ada diterangkan bahawa malaikat adalah dijadikan daripada cahaya dengan maksudnya:-

*"Dijadikan malaikat daripada cahaya dan dijadikan jin daripada percikan api"*

Riwayat Muslim

Daripada riwayat ini menggambarkan bahawa malaikat adalah sejenis makhluk yang tidak dapat dilihat dengan mata kasar sebab kejadiannya bukanlah dalam bentuk benda dan tidak mempunyai jisim.

Malaikat ini digambarkan sebagai suatu makhluk istimewa di mana ia boleh bergerak dengan cepat ke satu-satu tempat. Mengikut Tuan Nasruddin Razak dalam kitabnya *"Al-Din Al-Islam"* menggambarkan malaikat sebagai suatu makhluk yang kuat, memiliki sayap yang banyak.

Malaikat-malaikat tersebut dapat dibahagikan mengikut tugas dan kawasan tanggung jawab masing-masing. Mengikut hadis sahih nama-nama dan pekerjaan malaikat itu dapat dibahagikan kepada sepuluh semuanya iaitu *Jibrail* yang dikatakan Malaikat yang pertama yang boleh dikatakan sebagai penghulu segala malaikat.<sup>21</sup>

Malaikat yang ke dua ialah *Mikail*, Bertanggung jawab mengatur perjalanan cakerawala iaitu matahari, bulan dan bintang di langit. Begitu juga dengan kejadian siang dan malam. Dengan adanya Mikail maka perjalanan cakerawala akan dapat ditentukan dan dipastikan dengan selamat.<sup>22</sup> Malaikat ke tiga dipanggil *Izrail* yang bertanggung jawab

mencabut nyawa seluruh makhluk yang bernyawa di dunia ini. Oleh itu Izrail terkenal dengan nama “*malaikat maut*”.<sup>23</sup>

Malaikat *Israfil* pula bertanggung jawab meniuip serunai sangkakala (Syur) pada “*hari kebangkitan*” (Yaumul Bakst) supaya bangkit seluruh manusia daripada kuburnya. Tiupan pertama bermulanya Kiamat dan tiupan ke dua nyawa-nyawa akan dibangkitkan. Malaikat *Raqib* dan *Atiq* pula masing-masing bertanggung jawab mencatat amalan kebaikan dan keburukan yang dilakukan oleh manusia. .

*Munkar* dan *Nakir* pula merupakan dua malaikat yang bertindak menyоal dan menghukum jiwa atau roh manusia sesudah manusia mati. Dalam masa ini, manusia tidak boleh bercakap bohong sebab bukan lidah yang berbicara tetapi anggota-anggota badan. *Malik-Zabaniyah* pula merupakan malaikat yang menjadi penghulu neraka. Neraka ialah tempat balasan kepada dosa dan kekejaman yang dilakukan di dunia ini. Malaikat yang terakhir ialah malaikat *Ridwan* iaitu malaikat yang menjadi penghulu syurga. Syurga ialah tempat menerima ganjaran kebaikan.

Walau bagaimanapun, kewujudan malaikat tidak dapat dijelaskan dan dibuktikan secara saintifik. Oleh itu, kepercayaan kepada malaikat merupakan satu kepercayaan ghaib selain kepercayaan kepada adanya roh manusia, jin dan syaitan. Islam meletakkan kepercayaan kepada tauhid merupakan kesatuan alam di bawah kesatuan kekuasaan illahi menyebabkan kepercayaan kepada yang ghaib adalah merupakan sesuatu yang penting dan merupakan salah satu daripada rukun iman yang enam.

#### 4.3.3 Percaya Kepada Kitab-kitab Allah

Kepercayaan kepada kitab-kitab Allah merupakan perkara yang penting dalam rukun iman. Mengikut kepercayaan Islam, al-Quran merupakan kitab Allah yang teragung dan merupakan mukjizat nabi hingga akhir zaman. Selain daripada kitab al-Quran terdapat kitab-kitab lain yang turun sebelumnya seperti Suhud Ibrahim, Taurat, Zabur dan Injil. Kitab-kitab ini diturunkan oleh Allah kepada para rasul bertujuan dijadikan sebagai batas untuk mengetahui antara yang hak dengan yang batil, yang baik dengan yang buruk dan yang halal dan yang haram.<sup>24</sup>

Melalui kitab yang diturunkan tersebut terdapat dua erti dan keadaan iaitu perintah dan tulisan di atas kertas yang biasanya dijadikan buku.<sup>25</sup> Bagi kitab suci, “perintah” adalah erti yang sering digunakan dan dimaksudkan kepadanya. Ia biasanya disampaikan melalui wahyu kepada para nabi dan rasul. Ini bermaksud , bagi seorang Islam adalah tidak memadai hanya sekadar mempercayai kitab suci al-Quran yang diturunkan kepada Nabi Muhammad s.a.w. Ini kerana terdapat wahyu-wahyu atau kitab-kitab yang turun sebelum beliau.

Semenjak Nabi Adam sampai Muhammad terdapat 4 buah kitab yang telah diturunkan iaitu kitab Taurat yang diturunkan kepada Nabi Musa a.s., Kitab Zabur yang diturunkan kepada Nabi Daud a.s., Kitab Injil yang diturunkan kepada Isa a.s. dan kitab terakhir iaitu al-Quran yang diturunkan kepada Nabi Muhammad s.a.w. Kitab-kitab ini diturunkan supaya membimbing manusia ke jalan yang benar tetapi manusia tidak pernah mahu menerima kebenaran sehingga turunnya al-Quran melalui Nabi Muhammad s.a.w. barulah melengkapi kitab-kitab yang sebelumnya yang telah diseleweng dan dipesongkan.

#### 4.3.3 (a) Kitab Taurat

Isi utama kitab taurat ialah 10 hukuman yang terkenal yang diterima oleh Nabi Musa di puncak gunung Tursina. Antara 10 hukum tersebut setelah diringkaskan ialah mengakui keesaan Allah, larangan menyembah patung dan berhala, larangan menyebut nama Tuhan Allah dengan sis-sia, memuliakan hari sabtu, menghormati ayah dan ibu, larangan membunuh sesama manusia, larangan berzina, larangan mencuri, larangan menjadi saksi dusta dan larangan keinginan mempunyai hak orang lain. Sebeginilah ringkasan ajaran yang diberikan melalui Nabi Musa dengan kitab taurat yang diturunkan. Kemudian turunlah wahyu yang lain yang mengandungi suruhan sembahyang, berkorban dan berupacara serta undang-undang bermasyarakat.

#### 4.3.3 (b) Zabur

Zabur merupakan puji-pujian Nabi Daud kepada Allah s.w.t. melalui nyanyi-nyanyian beliau yang dalam kumpulan mazmur. Mazmur yang turun adalah sejenis wahyu yang turun kepada Nabi Daud dan Nabi Daud menggelarkannya sebagai Zabur. Pada masa ini, Nabi Daud merupakan seorang Nabi, Rasul dan Raja bagi kaum Israel. Oleh itu, peluang dan kedudukan yang ada digunakan oleh beliau untuk memimpin umatnya kepada Tuhan Yang Esa.

#### 4.3.3 (c) Injil

Injil diturunkan dengan membawa ajaran membersihkan jiwa raga daripada kebekuan dan kekotoran. Ia diturunkan kepada Nabi Isa a.s. al-Masih anak Mariam. Di

antara ajaran Injil yang disampaikan oleh Nabi Isa a.s. ialah “*Khutbah di bukit*” sebagai nasihat.

Namun, apa yang berlaku sekarang kandungan ajaran Injil telah banyak diubah dan diselewengkan mengikut keperluan dan kegunaan mereka yang berkepentingan menyebabkan Injil yang ada sekarang bukan Injil yang asli.

#### 4.3.3 (d) al-Quran

Al-Quran ialah penutup kepada kitab-kitab Allah yang lain seperti Taurat, Zabur, Injil dan Suhuf yang diturunkan kepada Nabi Adam, Ibrahim, Musa, Isa dan nabi-nabi yang lain. Ayat al-Quran diturunkan kepada Nabi Muhammad s.a.w. dengan cara satu persatu. Ia mengambil masa selama 22 tahun 2 bulan dan 12 hari dari ayat pertama hingga ayat terakhir.

Sesungguhnya, kitab-kitab ini diturunkan bertujuan untuk membawa manusia ke jalan yang benar sebagaimana disebutkan di dalam al-Quran yang bermaksud:<sup>26</sup>

*“Allah, tiada Tuhan (yang disembah dengan sebenar-benarnya) melainkan Ia, yang tetap hidup-Nya, yang kekal selama-lamanya mentadbirkannya (sekalian makhluknya). Ia menurunkan kepada mu(wahai Muhammad) kitab suci (al-Quran) dengan (mengandungi) kebenaran, yang mengesahkan (isi-isi kitab suci) yang ada di hadapan-Nya (yang diturunkan sebelumnya) atau ia (juga) yang menurunkan (kitab-kitab) Taurat dan Injil.*

Al-Imran: 2-3

Oleh itu, adalah menjadi satu kewajipan bagi umat Islam mempercayai al-Quran dan kitab-kitab Allah yang lain yang turun sebelumnya seperti Taurat, Zabur dan Injil yang diturunkan untuk membimbing manusia ke jalan yang benar.

#### 4.3.4 Kepercayaan Kepada Nabi dan Rasul

Wahyu diturunkan daripada Allah kepada nabi, sementara nabi pula disuruh oleh Allah menyampaikan wahyu tersebut kepada masyarakat dalam bentuk syariat dan orang yang bertanggung jawab menyampaikan syariat tersebut disebut Rasul (utusan Allah). Oleh yang demikian seorang rasul adalah juga seorang nabi tetapi seseorang nabi belum tentu menjadi seseorang rasul. Terdapat 25 orang rasul semuanya yang disebut di dalam al-Quran, sementara jumlah nabi tidak terkira banyaknya. Mengikut hadis yang diriwayatkan dari pertanyaan Abu Zar kepada Nabi Muhammad s.a.w., jumlah nabi menurut riwayat *Marduyah* berjumlah 124 000 orang.<sup>27</sup>

Tujuan nabi dan rasul diutuskan adalah untuk menjawab segala persoalan manusia mengenai kepercayaan mereka yang sebelum ini cukup terbatas oleh pandangan mata. Melalui nabi dan rasul terdapatnya kitab-kitab suci yang diturunkan melalui wahyu bertujuan untuk membimbing kehidupan manusia di dunia ini. Hanya manusia yang tidak ingin insaf dan sedar tentang kelemahan-kelemahan yang ada pada diri mereka.

Sebagai seorang yang mengaku dirinya Islam, maka hendaklah dia mempercayai kepada rasul-rasul dan terdapatnya ayat-ayat al-Quran yang menyeru kepercayaan kepada rasul-rasul, seperti firman Allah dengan maksudnya:<sup>28</sup>

*Katakanlah (wahai orang yang beriman): "kami beriman kepada Allah, dan kepada apa yang diturunkan kepada kami (al-Quran) dan (kepada) apa yang diturunkan kepada (Nabi) Ibrahim dan (Nabi) Ismail dan (Nabi) Ishak dan (Nabi) Yaakub dan anak-anaknya dan (juga kepada) apa yang diberikan kepada nabi-nabi dari Tuhan mereka, kami tidak membeza-bezakan di antara seseorang dari mereka sebagaimana kaum yahudi dan Nasrani membeza-bezakan dan kami semua adalah Islam (berserah diri-tunduk taat) kepada Allah (semata-mata)*

Al-Baqarah: 136

Mengikut Sheikh Muhammad Abduh dengan katanya “kedudukan nabi dan rasul tidak ubah seperti akal yang ada pada diri setiap individu”, mereka bertugas mengajar manusia mengenai ketuhanan, tentang akidah dan ibadat mengikut garis-garis yang ditentukan oleh Allah serta memandu hidup manusia supaya menjadi insan kamil. Atas dasar ini mereka akan pastikan manusia berada pada landasan yang sebenarnya selaku khalifah di muka bumi ini. Secara keseluruhannya tugas seorang rasul ialah memimpin manusia ke arah hidup yang lebih bahagia di dunia dari segi ekonomi, politik, sosial, teknologi dan sebagainya.<sup>29</sup>

#### 4.3.5 Kepercayaan Kepada Hari Kiamat

Hari kiamat merupakan hari yang terakhir dimana pada masa ini seluruh alam ini akan dihancur leburkan. Terdapat 2 jenis kiamat yang dimaksudkan iaitu kiamat shugra (kecil) dan kiamat kubra (besar). Kiamat Shugra adalah kiamat kecil seperti kematian, sementara kiamat kubra adalah kiamat besar yang akan menamatkan riwayat dunia dan akan diwujudkan alam baru yang dipanggil alam pembalasan dan pada masa ini terdapatnya konsep syurga dan neraka. Konsep syurga dan neraka adalah satu konsep pembalasan amal. iaitu amal yang baik akan dibalas syurga sementara amal yang mungkar akan dibalas dengan azab seksa neraka.

Mengikut kepercayaan Islam, Allah itu maha adil dimana dia akan membalaas balik setiap apa yang dilakukan oleh manusia di bumi ini, Keadaan ini dapat diterangkan melalui ayat al-Quran dari surah al-Najm yang berberti:

*"untuk membalaas orang-orang yang berbuat jahat menurut apa yang mereka lakukan, dan membalaas orang-orang yang baik dengan balasan yang sebaik-baiknya".*

Al-Najm: 31

Selepas mati terdapat dua keadaan manusia iaitu manusia yang akan mendapat nikmat dan manusia yang akan mendapat balasan buruk. Balasan nikmat ialah balasan syurga yang akan diberikan kepada orang-orang yang berbuat kebaikan. Balasan buruk ialah balasan neraka kepada mereka yang zalim semasa di dunia.

Oleh yang demikian, kepercayaan atau rukun iman yang ke lima iaitu percaya kepada hari kiamat mempunyai nilai yang sangat tinggi dalam kehidupan manusia di dunia. Ini menggambarkan bahawa kehidupan di dunia ini ada nilainya dan seluruh kehidupan manusia tidak akan sia-sia. Apa yang dilakukannya sekarang akan menerima pembalasan pada satu masa kelak.<sup>30</sup> Oleh itu, manusia harus berhati-hati dalam apa saja tindakannya di dunia ini supaya mendapat pembalasan yang baik di akhirat kelak.

#### 4.3.6 Kepercayaan Kepada Takdir Illahi (Qadha dan Qadar)

Kepercayaan kepada takdir illahi merupakan rukun Iman yang paling akhir. Ia membawa erti bahawa segala sesuatu yang terjadi di dalam alam ini atau terjadi pada diri kita sama ada buruk atau baik, naik atau jatuh, senang atau sakit dan segala gerak geri

kehidupan kita semuanya tidak terlepas daripada takdir atau ketentuan illahi. Tidak lepas dari Qadha bermakna *jangka yang telah ditentukan* dan Qadar bererti *ketentuan*.<sup>31</sup> Keadaan ini ada dijelaskan dalam firman Allah yang bermaksud:

*"dan tiadalah kamu berkemahan (melakukan sesuatu perkara) melainkan dengan cara yang dikehendaki Allah."*

al-Imran: 30

Ayat ini menggambarkan bahawa berlakunya sesuatu adalah mengikut ketentuan Allah. Dalam hal ini, kita wajib percaya bahawa ketentuan Allah s.w.t. itu secara adil dan bersesuaian dengan kehendaknya.

Namun begitu, sering berlaku bahawa kefahaman kepercayaan takdir illahi, Qadha dan Qadar, ada yang beranggapan dengan mempercayai Qadha dan Qadar akan menghalang kepada mencapai kemajuan. Sebenarnya, keadaan ini sengaja ditimbulkan oleh musuh Islam. Misalnya, di zaman Rasullullah masyarakat Islam dapat mencapai satu nilai peradaban yang tertinggi. Begitu juga dengan umat Islam di zaman khalifah al-Rashidin yang berpegang teguh kepada Qadha dan Qadar, mereka juga dapat mencapai zaman kegemilangan dalam peradaban dunia. Begitu juga kemenangan-kemenangan yang cemerlang yang dicapai oleh pahlawan-pahlawan Islam di zaman dahulu seperti Khalid al-Walid dalam merebut kerajaan Parsi, Umar Ibn al-As untuk menakluk Mesir dan panglima perang Tariq bin Ziad yang merintis jalan menakluk Tanah Besar Sepanyol.<sup>32</sup>

Kekeliruan yang lain pula adalah dari golongan *Jabarriyyah* yang beranggapan bahawa manusia ini tidak perlu berusaha dan berikhtiar kerana kesemuanya sudah

ditentukan Allah. Tetapi mereka silap kerana Allah ada menerangkan di dalam surah al-Ra'ad yang bermaksud:

*"sesungguhnya Allah tidak mengubah apa yang ada sesuatu kaum sehingga mereka mengubah apa yang ada pada diri mereka sendiri"*  
al-Ra'ad:11

Ayat ini menerangkan bahawa usaha yang bersungguh-sungguh akan menjamin perubahan dan kemajuan.

Kekeliruan yang terakhir datangnya daripada faham *al-Qadariyyah* dengan membawa satu faham bahawa manusia itu bebas sebebasnya dan dia sendiri yang menentukan nasibnya. Tetapi mereka tidak sedar mereka telah silap kerana kejayaan, kegagalan, kebolehan dan pengetahuan manusia adalah datangnya dari Allah.

Kesimpulannya, sesuatu yang kita hendak kerjakan hingga berjaya adalah mustahil boleh mencapai kejayaan dengan hanya berpeluk tubuh tanpa berusaha. Manusia harus berpegang bahawa setiap kejadian dan peristiwa ada hikmahnya dan kita dinasihatkan supaya jangan mudah burputus asa jika menghadapi kegagalan.

#### 4.4 Beberapa Konsep Dan Kesan

Islam adalah sebuah agama yang menyarankan ke arah kebaikan dan secara langsung menolak sesuatu yang membawa keburukan dan kerosakan. Pembentukkan peradaban Islam adalah berasaskan kepada nilai-nilai jasmani dan rohani. Penyesuaian nilai-nilai ini adalah berdasarkan kepada kepercayaan mereka kepada agama Islam.

Kepercayaan inilah yang telah meletakkan diri umat Islam dekat dengan Allah. Berasaskan kepada kepercayaan telah melahirkan beberapa konsep dan kesan yang secara keseluruhan adalah membawa kebaikan dan mementingkan pembangunan ummah. Antara konsep-konsep dan kesan yang timbul daripada analisis yang dibuat adalah seperti berikut.

#### 4.4.1 Konsep Takwa

Takwa adalah diambil daripada perkataan *Waqa* yang memberikan maksud “*jaga diri*” atau “*takut*”, iaitu takut untuk melanggar suruhan dan larangan Allah.<sup>33</sup> Dalam hal ini, kita disarankan supaya menjauhkan diri daripada melakukan perkara yang buruk dan keji tetapi digalakkan melakukan kebaikan. Mengikut kepercayaan umat Islam, satu kelebihan akan diperolehi jika melakukan kebaikan berbanding dengan orang lain. Oleh itu, umat Islam melakukan sesuatu berasaskan kepercayaan ini bertujuan mendapatkan keredaan Allah.

#### 4.4.2 Konsep Ukhluwwah Islamiyyah

Konsep Ukhluwwah Islamiyyah adalah konsep persaudaraan. Konsep persaudaraan antara agama telah menggantikan konsep persaudaraan perkauman atau dipanggil “*Abbasiyah*” di tanah Arab. Konsep ini telah menjadikan umat Islam yang bertaburan di dunia menjadi satu berasaskan konsep ukhuwwah Islamiyyah. Ukhluwwah ini telah melahirkan kesedaran di kalangan masyarakat dan menolak kepentingan individu.

#### 4.4.3 Konsep al-Mahabbah

Konsep al-Mahabbah merupakan ciri utama masyarakat Islam. Masyarakat Islam adalah ditubuhkan atas dasar kasih sayang (Mahabbah). Rasa kasih sayang tersebut akan melahirkan masyarakat Islam yang mengambil berat urusan saudara sesama Islam dan tidak mementingkan diri sendiri. Oleh itu, Islam boleh bersatu berdasarkan konsep al-Mahabbah untuk menubuhkan sebuah peradaban yang unggul.

#### 4.4.4 Konsep Adil Dalam Semua Perkara

Adalah diakui bahawa seluruh syariat Islam didatangkan bertujuan untuk menegakkan keadilan dan menentang semua bentuk kezaliman. Demikianlah, kita dapat daripada ayat-ayat al-Quran dan hadith-hadith nabi yang menyeru kepada keadilan. Dalam al-Quran didapati terdapat 2 perkataan yang digunakan bagi membawa erti adil iaitu perkataan *al-adl* dan *al-Qist* yang membawa pengertian yang sama iaitu insaf dan lurus.<sup>34</sup> Antara lain, Islam telah menegaskan bahawa adil adalah salah satu sifat Allah. Oleh itu, jika diteliti Islam adalah lengkap dari segi keadilan meliputi segala perkara seperti dalam beragama, undang-undang, kekeluargaan, layanan terhadap non-muslim dan sebagainya.

#### 4.4.5 Konsep Sama Rata

Setelah kedatangan Islam, Islam memandang semua manusia adalah sama tanpa mengambil kira latar belakang individu tersebut. Cuma yang membezakan antara individu ialah takwa mereka kepada Allah. Ini kerana asas kelahiran manusia adalah sama iaitu daripada tanah dan kepada tanah manusia akan dikembalikan. Sebelum kedatangan Islam

manusia dibahagikan mengikut kelas iaitu dari segi keluarga, puak, kekayaan, bangsa dan warna kulit. Keadaan ini tidak berlaku setelah kedatangan Islam di mana Islam telah menyembah Tuhan Yang Satu iaitu Allh s.w.t.

#### 4.4.6 Konsep Kesejahteraan Dan Keselamatan

Kedatangan Islam adalah bertujuan memperkenalkan konsep kesejahteraan dan keselamatan dalam masyarakat. Konsep kesejahteraan diaplikasikan di dalam ucapan "*Assalamualaikum*" yang bererti selamat sejahtera apabila seorang Islam bertemu dengan seorang Islam yang lain. Kemudian dibalas dengan "*Waalaikummussalam*" yang bererti dan selamat sejahtera juga ke atas kamu. Ini menunjukkan pemberian salam adalah satu cara untuk menegakkan konsep *Mahabbah*.

Makna Islam sendiri menggambarkan tentang keamanan, keselamatan, kesejahteraan dan ketenteraman. Oleh yang demikian, ia menggambarkan tidak ada perang di antara masyarakat dan negara dan tidak berhak untuk umat Islam memulakan perang.

#### 4.4.7 Mengutamakan Ilmu Pengetahuan

Setelah kedatangan Islam, Islam telah meletakkan ilmu pengetahuan sebagai satu kewajipan sebagaimana sabda Nabi yang membawa maksud: "*menuntut ilmu adalah wajib ke atas orang Islam*". Ini menggambarkan menuntut Islam adalah wajib dan berdosa jika diabaikan.

#### **4.4.8 Galakan Bekerja**

Islam menggalakkan umatnya bekerja bagi memperolehi rezeki yang halal dengan titik peluh sendiri tanpa mengharapkan belas kasihan dari orang lain. Islam tidak menggalakkan umatnya meminta-minta dan mengharapkan pemberian orang. Ini kerana sifat meminta belas kasihan akan menjatuhkan maruah Islam dan menjadikan umat Islam dipandang lemah.

#### **4.5 Kesimpulan**

Melalui analisis ini, kita dapat melihat bahawa Islam telah meletakkan kepercayaan pada pokok yang paling asas. Kepercayaan kepada rukun iman adalah kepercayaan yang paling penting di mana asas penerimaan Islam sebagai ad-Deen ialah kepercayaan kepada rukun iman. Asas kepercayaan rukun iman yang paling penting ialah percaya kepada Allah Yang Maha Esa dan segala permohonan hendaklah ditujukan kepada Allah.

Selain kepercayaan tersebut terdapat kepercayaan lain yang turut diberikan penekanan iaitu kepercayaan kepada alam ghaib, kitab-kitab Allah, Nabi dan Rasul, hari kiamat dan qadha dan Qadar Tuhan. Kepercayaan yang sebeginilah jika dipegang dan dipercayai sungguh-sungguh akan menjadikan seseorang Islam itu berani dan sanggup menghadapi cabaran demi menegakkan Islam yang satu. Maka, tidak hairanlah Islam boleh mencapai satu peradaban yang gilang gemilang di satu masa dulu. Islam adalah sebuah agama yang mudah difahami dan perkembangannya meluas dalam masa yang singkat hingga dapat membentuk sebuah peradaban yang dipanggil “Peradaban Islam”.

## Nota Hujung

- <sup>1</sup> Rasid Muhammad, "*Matra Tamadun Islam*", Cetakan Pertama, Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM), 1996, hal. 2.
- <sup>2</sup> Jayaudin Jamaudin, "*Sejarah Islam Tanah Arab*", Cetakan ke-6, Penerbit ELMAN, Kuala Lumpur, 1995, hal. 22.
- <sup>3</sup> Dr. Ahmad Amin, "*Islam Sepanjang Zaman*", (Terj: Hj. Dasuku Hj. Ahmad), Cetakan ke-2, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1988, hal. 3.
- <sup>4</sup> Wardan Amir BA, "*Perbandingan Agama*", Jilid ke-2, Penerbit TOHA PUTRA SEMARANG, 1976, hal. 49.
- <sup>5</sup> Ibid, hal. 49.
- <sup>6</sup> Ibid, hal. 49.
- <sup>7</sup> Ibid, hal. 50.
- <sup>8</sup> Ibid, hal. 50.
- <sup>9</sup> Perjanjian Hudaibiyah diadakan antara umat Islam dengan kaum Quraisy Mekah yang memberikan peluang kepada Islam untuk menyebar dan berdakwah secara bebas.
- <sup>10</sup> Syed Muhammad Naguib al-Attas, "*Islam Dalam Sejarah Kebudayaan Melayu*", Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), 1972, hal. 3.
- <sup>11</sup> Sayid Sabiq, "*AKIDAH ISLAM: Pola Hidup Manusia Beriman*", Edidi Baru, Penerbit Pustaka Nasional PTE LTD Singapura, 1991, hal. 7.
- <sup>12</sup> Haji Abdul Malik Karim Amrullah, "*Pelajaran Agama Islam*", Cetakan ke-3, Penerbit PAP Kelantan, 1975, hal. 7.
- <sup>13</sup> Ibid, hal. 7.
- <sup>14</sup> Prof. Dato' Dr. Haron Din, "*Manusia dan Islam*", Edisi Khas, Penerbit Hizbi Marketing Sdn. Bhd., 1999, hal. 32.
- <sup>15</sup> Dr. H.O.K. Rahmat S.H., "*dari ADAM Sampai MUHAMMAD: Sebuah Kajian Mengenai Agama-agama*", Cetakan Ke-2, PAP Sdn. Bhd., Kota Bharu, Kelantan, 1979, hal. 42.
- <sup>16</sup> Wardan Amir BA, Op. cit hal. 54.
- <sup>17</sup> Prof. Dato' Dr. Haron Din, Op. cit, hal. 39.
- <sup>18</sup> Ibid, hal. 40.
- <sup>19</sup> Dr. Abdul Majid Azizi Al-Zindani, "*KITAB TAUHID: Soal Jawab Tentang Keimanan*", Jilid 2, Penerbit Pustaka al-Mizan, 1990, hal. 1-4.
- <sup>20</sup> Haji Abdul Malik Karim Amrullah, Op. cit, hal 140.
- <sup>21</sup> Ibid, hal. 162.
- <sup>22</sup> Ibid, hal. 163-164.
- <sup>23</sup> Ibid, hal 164.
- <sup>24</sup> Sayid Sabiq, Op cit, hal. 18.
- <sup>25</sup> Haji Abdul Malik Karim Amrullah, Op cit, hal. 173.
- <sup>26</sup> Prof. Dato' Dr. Haron Din, Op. cit, hal. 52.
- <sup>27</sup> Ibid, hal. 54.
- <sup>28</sup> Ibid, hal. 56.
- <sup>29</sup> Ibid, hal. 61.
- <sup>30</sup> Drs. Nasruddin Razak, "*DIENUL ISLAM: Penafsiran Kembali Islam Sebagai Akidah Way Of Life*", Cetakan Pertama, PT Al Ma'arif Bandung, 1972, hal. 169.
- <sup>31</sup> Haji Abdul Malik Karim Amrullah, Op cit, hal. 400.
- <sup>32</sup> Prof. Dato' Dr. Haron Din, Op cit, hal. 75.
- <sup>33</sup> Dr. Salahuddin al-Munjid, "*Masyarakat Islam Di Bawah Naungan Keadilan*", Cetakan Pertama, Dewan Pustaka Fajar, 1988, hal. 33.
- <sup>34</sup> Ibid, hal. 14.